

Tun Sambanthan selami kemiskinan masyarakat India

WILAYAHKU

15 February 2020

Azlan Zambry

SETIAP kaum yang berkongsi kehidupan di Tanah Melayu perlu menerima hakikat bahawa bumi bertuah ini merupakan sebuah tempat yang harus disuburkan dengan perpaduan dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat.

Sebuah potret pemimpin ulung yang mempamerkan wajah ceria tergantung di hadapan pintu masuk bagai mengalu-alukan pengunjung untuk bertandang di Memorial Negarawan Tun V.T Sambanthan untuk mengetahui sisi penting tokoh yang amat berjasa ini.

Di satu sudut, dipaparkan garis masa pembabitan mendiang yang mula berminat dalam politik dan seterusnya meningkatkan lagi semangat anti penjajah ketika menuntut di dalam bidang ekonomi di Universiti Anamalai, Tamil Nadu.

Beliau kemudiannya terpaksa pulang ke Tanah Melayu bagi menggantikan bapanya yang meninggal dunia untuk menguruskan ladang milik keluarga.

Dari situ, mendiang dapat menyelami masalah kemiskinan yang membelenggu kaum India dan mula menitikberatkan pendidikan untuk memajukan masyarakatnya.

Inisiatifnya untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak pekerja ladang berhasil apabila berjaya menubuhkan sebuah sekolah untuk memberikan pendidikan termasuk memasukkan pelajaran bahasa Inggeris untuk pendidikan anak-anak buruh ketika itu.

Beliau turut memegang beberapa jawatan dalam Kabinet Persekutuan Tanah Melayu dari tahun 1955-1957 sebagai Menteri Buruh.

Pasca kemerdekaan pula Sambanthan dilantik sebagai Menteri Kesihatan pada 1957 hingga 1959, Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi (1959 hingga 1969) dan Menteri Perpaduan (1970 hingga 1974).

Di satu dinding, dipaparkan mengenai beberapa keratan akhbar yang menonjolkan dirinya sebagai seorang pemimpin negara di atas beberapa isu termasuklah pakaiannya 'dhoti' yang menjadi polemik pada ketika itu dan beberapa isu yang membabitkan kementerian yang diterajunya.

Di satu sudut yang lain pula, dipaparkan mengenai hobi Sambanthan yang gemar bersukan. Beberapa koleksi raket badminton diperbuat daripada kayu digantung untuk tatapan pengunjung.

Selain itu, mendiang juga diketahui sebagai seorang yang gemar mengambil foto malah turut diletakkan beberapa koleksi kamera miliknya serta sebuah foto Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra sedang menoreh getah yang diambalnya sendiri.

Mendiang turut berpadu tenaga meyakinkan pihak British untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu ketika itu.

Antara kata-kata yang diingat ketika wawancaranya bersama akhbar Straits Times pada 1959 adalah: "Semasa di England, tiada sesiapa pun yang tahu bahawa kita adalah daripada rombongan yang mewakili orang India, Cina dan Melayu. Kita bercakap dengan satu suara dan tumpuan kita hanyalah kepada Persekutuan Tanah Melayu."

Selain itu, terdapat satu sudut interaktif yang memaparkan sejumlah kotak yang memaparkan gambar serta keterangan mengenai peristiwa-peristiwa yang melibatkan Sambanthan.

Di satu sudut lain, dipaparkan perjalanan terakhir mendiang yang diratapi pemergiannya. Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman dan Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak turut menyertai orang ramai memberikan penghormatan terakhir kepada jenazah mendiang.

© 2020 Wilayahku. All rights reserved. Designed by FlatNews

Source: <https://www.wilayahku.com.my/tun-sambanthan-selami-kemiskinan-masyarakat-india/>